

BANEOCIN OINTMENT

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Bacitracin zinc/Neomycin sulphate (250IU/5000IU)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Baneocin Ointment*
2. Bagaimana *Baneocin Ointment* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Baneocin Ointment*
4. Cara menggunakan *Baneocin Ointment*
5. Semasa menggunakan *Baneocin Ointment*
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Baneocin Ointment*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Baneocin Ointment*

Baneocin Ointment berkesan menentang semua jangkitan disebabkan oleh kuman yang sensitif kepada *neomycin* dan/atau *bacitracin*, contohnya, jangkitan bakteria kulit dan membran mukus, jerawat, Penyakit kulit yang bernanah, ekzema yang dijangkiti bakteria, bisul, perlindungan antibiotik setempat untuk luka bakar, luka disebabkan air panas dan pasca trauma.

Bagaimana *Baneocin Ointment* berfungsi

Baneocin Ointment adalah kombinasi dua antibiotik untuk kegunaan luaran sahaja. Ia mengandungi dua bahan sangat aktif, *neomycin* dan *bacitracin*, yang memberi kesan antibakteria (membunuh kuman) apabila disapukan pada kulit yang dijangkiti.

Spektrum aktiviti kedua-dua antibiotik ini menyokong satu sama lain, dengan demikian meningkatkan kesan keseluruhan, yang menjadikan *Baneocin Ointment* berkesan menentang banyak patogen (aktiviti spektrum luas). Apabila digunakan dengan betul, tidak banyak *neomycin* atau *bacitracin* diserap oleh badan. Oleh itu, ia boleh bertindak dengan cepat dan memberi kesan penuh di lokasi yang mengalami keradangan.

Kedua-dua antibiotik boleh diterima dengan baik dan keberkesanannya tidak hilang disebabkan lelehan, nanah, darah atau partikel tisu pada luka. Oleh itu,

Baneocin Ointment boleh digunakan pada kulit, membran mukus, luka dan sebagainya.

Sebelum menggunakan *Baneocin Ointment*

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada bahan aktif atau sebarang bahan lain dalam *Baneocin Ointment*.
- Anda hendaklah mengelakkan penggunaan *Baneocin Ointment* pada kecederaan kulit yang teruk, merebak, kerana penyerapan ke dalam saluran darah boleh menyebabkan kesan sampingan yang menjelaskan pendengaran, termasuk kehilangan pendengaran.
- Jika anda mengalami penyakit jantung atau buah pinggang yang teruk dan/atau kerosakan sistem telinga yang berfungsi mengekalkanimbangan
- Jangan gunakan dalam salur auditori (pendengaran) luaran jika gegendang telinga rosak.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil *Baneocin Ointment* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *Baneocin Ointment* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan *Baneocin Ointment*

Laporkan sebarang tanda kesan sampingan pertama kepada doktor anda.

Apabila digunakan dalam dos lebih tinggi daripada yang disyorkan, khususnya untuk ulser yang sukar disembuhkan, bahan aktif larut boleh diserap ke dalam saluran darah; perhatikan sebarang gejala yang mungkin menandakan kerosakan buah pinggang (kurang selera makan, dahaga yang keterlaluan, kurang kencing, kesan darah dalam air kencing) atau kecacatan pendengaran (kehilangan pendengaran nada tinggi, berdengung-dengung dalam telinga dan rasa tekanan dalam telinga).

Risiko ini lebih tinggi di kalangan orang yang mengalami kerosakan fungsi hati dan/atau buah pinggang. Atas sebab ini, ujian air kencing/darah dan ujian pendengaran disyorkan dalam kes sedemikian sebelum dan semasa terapi intensif.

Dalam kes keradangan kronik dan berterusan bahagian tengah telinga, *Baneocin Ointment* tidak sewajarnya disapukan pada bahagian telinga melainkan diarahkan oleh doktor. *Baneocin Ointment* tidak boleh disapukan pada bahagian telinga jika gegendang telinga rosak.

Jika sejumlah besar *Baneocin Ointment* diserap ke dalam badan, kelemahan otot boleh dialami, atau jika sudah pun dialami (contohnya miastenia gravis atau masalah yang serupa), keadaan mungkin bertambah buruk.

Penggunaan jangka panjang antibiotik boleh merangsang pembentukan kuman yang rintang.

Sila perhatikan tanda keradangan (rasa bahang kepanasan, kemerahan, bengkak, kesakitan) atau tanda jangkitan kulat pada lokasi yang dirawat. Beritahu doktor anda tentang perubahan ini atau sebarang perubahan luar biasa yang lain.

Gunakan *Baneocin Ointment* sepanjang tempoh yang dinyatakan dalam preskripsi doktor anda, untuk membasmikan semua kuman dan mencegah jangkitan semula kuman.

Beritahu doktor anda jika anda menjadi hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau telah mengambil ubat lain baru-baru ini, contohnya ubat untuk melegakan keregangan otot, narkotik dan termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi (dibeli dari kaunter).

- Jika bahan aktif dalam *Baneocin Ointment* masuk ke dalam badan selepas penggunaan secara meluas pada luka terbuka, ia boleh meningkatkan kesan kerosakan oleh ubat lain (seperti *cephalosporin* atau antibiotik aminoglikosida lain) ke

atas buah pinggang.

- Jika diambil pada masa yang sama, ubat diuretik (pil air) seperti *ethacrynic acid* atau *furosemide* boleh meningkatkan kesan toksik ke atas pendengaran atau buah pinggang.
- Penggunaan ubat bius atau anestetik semasa pembedahan boleh memburukkan lagi kelemahan otot yang sedia dialami. Sebelum menjalani sebarang pembedahan, anda hendaklah memberitahu doktor jika anda mengalami sebarang masalah otot.
- Tiada kesan perubahan tabiat yang diketahui.

Cara menggunakan *Baneocin Ointment*

- Berapa banyak harus digunakan

Melainkan dinyatakan selainnya dalam preskripsi, anda hendaklah betul-betul mematuhi dos yang dinyatakan.

Di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak, *Baneocin Ointment* umumnya disapu dua hingga tiga kali sehari.

Untuk kegunaan luaran, dos 1g *neomycin* sehari disyorkan (bersamaan dengan kira-kira 200g *Baneocin Ointment*) selama tidak lebih daripada 7 hari. Dos maksimum ini hendaklah dikurangkan kepada separuh dalam rawatan ulangan.

Sapukan selapis nipis salap pada bahagian badan yang perlu dirawat, dan balut jika perlu.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat ini betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Pastikan anda minta nasihat doktor jika anda ingin berhenti mengambil ubat ini. Sungguhpun jika anda rasa sihat, anda mungkin perlu terus menggunakan ubat ini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Baneocin Ointment*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Baneocin Ointment*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan pengambilan ubat anda melainkan dinasihati oleh doktor anda.

Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan beri *Baneocin Ointment* kepada sesiapa, walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

Jangan sapu *Baneocin Ointment* pada mata.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan mesin

Kesan ke atas keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin adalah tidak diketahui.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, *Baneocin Ointment* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jika sebarang kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapat sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Baneocin Ointment umumnya boleh diterima dengan baik apabila digunakan pada kulit, membran mukus dan permukaan luka. Tindak balas hipersensitif (alahan) sesekali boleh berlaku dalam penggunaan jangka panjang untuk merawat masalah kulit kronik. Masalah ini mungkin berbentuk ruam dengan kemerahan kulit, bengkak, penyehidratan dan pengelupasan kulit, atau kegatalan pada lokasi yang dirawat dengan salap. Dalam sesetengah kes, luka tidak sembah mungkin juga disebabkan alahan. Atas sebab ini, anda hendaklah memberitahu doktor anda jika ruam sedemikian dialami buat kali pertama. Doktor anda akan menentukan sama ada anda patut terus menggunakan produk ini.

Alahan *neomycin* ini berlaku tidak sekerap yang disangka umum. Bagaimanpun, jika alahan sedemikian berlaku, anda hendaklah juga memberitahu doktor anda sebelum menggunakan antibiotik aminoglikosida lain.

Dalam penggunaan berulang kali secara meluas pada kulit terbuka bahan aktif yang meresap masuk ke dalam badan boleh menyebabkan kesan sampingan seperti gangguan imbangian, kerosakan pendengaran, kerosakan buah pinggang dan kelemahan otot.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan lain, segera beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting*

Side Effects to Medicines (ConSERF) or
Vaccines (AEFI)).

MALAYSIA

Cara penyimpanan dan pelupusan

Baneocin Ointment

- Penyimpanan

Jangan simpan pada suhu melebihi 25°C.

Simpan dalam pembungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan *Baneocin Ointment* selepas tarikh luput "Use by" yang dinyatakan pada kotak dan tiub. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap warna kekuningan dalam tiub aluminium.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Bahan aktif adalah *bacitracin zinc* dan *neomycin* sebagai sulfat.

1g mengandungi 250 IU *bacitracin zinc* dan 5,000 IU *neomycin* sebagai sulfat.

Bahan tidak aktif

Bahan lain adalah wool fat dan paraffin lembut putih.

- Nombor MAL

MAL20020130ACZ

Pengilang

Merck Kommanditgesellschaft auf Aktien & Co. Werk,
Hossgasse 20, A-9800
Spittal/Drau, Austria

Pemegang Pendaftaran Produk

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.
Bhd.

Level 22, Tower B, Plaza 33,
No. 1, Jalan Kemajuan, Seksyen 13,
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)100418/00101